

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY**  
**[KAPAR]**  
**TARIKH :**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah klinik kesihatan Kerajaan di seluruh negara, dan jumlah unit farmasi yang terdapat di semua klinik kesihatan tersebut. Secara terperinci, jelaskan jumlah preskripsi tahunan yang diterima oleh semua unit farmasi di klinik kesihatan Kerajaan bagi tempoh masa 1 Januari 2010 sehingga 31 Disember 2014. (satu per satu mengikut tahun ke tahun).

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa berusaha untuk memastikan sistem kesihatan berkualiti tinggi diberikan kepada rakyat. Perkhidmatan farmasi disediakan di klinik-klinik kesihatan kerajaan bagi memastikan rakyat mendapat ubat-ubatan yang berkualiti, selamat dan berkesan. Sehingga Disember 2014, jumlah klinik kesihatan di Malaysia adalah sebanyak 934 buah. Manakala, klinik kesihatan yang mempunyai unit farmasi adalah sebanyak 746 (78.1%).

Jumlah preskripsi tahunan yang diterima oleh semua unit farmasi di Klinik Kesihatan Kerajaan bagi tempoh masa 1 Januari 2010 sehingga 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

- i. Tahun 2010 – 25,525,308
- ii. Tahun 2011 – 25,791,960
- iii. Tahun 2012 – 28,438,975
- iv. Tahun 2013 – 29,484,654
- v. Tahun 2014 – 31,288,452

**Tuan Yang di-Pertua,**

Dikemukakan adalah jadual yang menunjukkan jumlah Unit Farmasi yang terdapat di semua klinik kesihatan dan jumlah preskripsi tahunan yang diterima oleh Farmasi di klinik kesihatan sahaja dari tahun 2010 hingga 2014.

<b>Tahun</b>	<b>Unit Farmasi</b>	<b>Preskripsi</b>
<b>2010</b>	<b>666</b>	<b>25,525,308</b>
<b>2011</b>	<b>697</b>	<b>25,791,960</b>
<b>2012</b>	<b>732</b>	<b>28,438,975</b>
<b>2013</b>	<b>792</b>	<b>29,484,654</b>
<b>2014</b>	<b>848</b>	<b>31,288,452</b>